

Bab 7

KESIMPULAN

7.1. Kesimpulan

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti masalah sebutan pelajar-pelajar Melayu semasa mempelajari BPS. Ini dilakukan melalui pemerian sistem fonologi BMS dan BPS, membuat satu analisis kontrastif ke atas BMS dan BPS seterusnya mengenal pasti kesalahan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu semasa mempelajari BPS. Untuk mengenal pasti masalah sebutan pelajar-pelajar Melayu, 20 orang pelajar Melayu telah dipilih sebagai sampel.

Melalui keputusan ujian sedia dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar Melayu menghadapi masalah sebutan bagi konsonan lateral palatal [λ], konsonan frikatif palatal [ʒ], vokal nasal, diftong nasal dan triftong nasal.

Melalui ujian didapati bahawa pelajar-pelajar Melayu menghadapi masalah sebutan untuk vokal nasal. Ini kerana BPS mempunyai banyak vokal nasal yang tidak dikenali oleh pelajar-pelajar Melayu sebelum mempelajari BPS. Jadi, pelajar-pelajar Melayu tidak membiasakan diri dengan vokal nasal seperti [i̇], [ė], [ə̇], [ɔ̇], [u̇].

Selain itu, pelajar-pelajar Melayu juga menghadapi masalah sebutan untuk [ʒ] yang hanya wujud dalam BPS. Pelajar-pelajar Melayu mempunyai kecenderungan menggantikannya dengan separuh vokal bersuara [j] yang hadir dalam BMS. Ini disebabkan frikatif palatal bersuara [ʒ] hanya hadir dalam BPS, pelajar-pelajar Melayu tidak terdedah kepada konsonan ini. Jadi, apabila berhadapan dengan konsonan yang asing seperti ini, maka pelajar-pelajar Melayu akan memindahkan unsur-unsur terdekat dalam bahasa ibundanya iaitu B1 ke dalam bahasa sasaran iaitu B2. Hal yang sama berlaku juga dengan lateral palatal [λ] yang hanya wujud dalam BMS. Pelajar-pelajar Melayu mempunyai kecenderungan menggantikan [λ] dengan lateral [l] dan separuh vokal [j] yang wujud dalam BMS.

Melalui ujian yang dilakukan telah menunjukkan pelajar-pelajar tidak menghadapi masalah untuk menyebut diftong oral BPS kerana diftong oral juga hadir dalam BMS. Jadi pelajar-pelajar Melayu sudah membiasakan diri dengan sebutan diftong sejak kecil lagi. Sebaliknya, diftong nasal yang hanya wujud dalam BPS tetapi tidak wujud dalam BMS telah menjadi masalah bagi pelajar-pelajar Melayu. Umpamanya diftong nasal seperti [ūj], [ōj], [᷑w], [᷑j] telah menjadi masalah bagi pelajar-pelajar Melayu. Ini mungkin kerana kurang pendedahan pelajar-pelajar Melayu terhadap diftong nasal. Pelajar-pelajar Melayu telah cuba menggantikan diftong nasal dengan diftong oral contoh [ūj], [ōj], [᷑w] dan [᷑j] masing-masing telah digantikan dengan [uj], [oj], [ow] dan [ej].

Begitu juga dengan triftong yang hanya wujud dalam BPS. Pelajar-pelajar Melayu menghadapi masalah dengan triftong nasal seperti [wɔ̄w] dan [wɔ̄j] dan menggantikannya dengan triftong oral [wɔw] dan [wɔj]. Ini jelas terbukti melalui ujian yang telah dilakukan ke atas 20 orang pelajar Melayu. Walaupun triftong oral tidak wujud dalam BMS tetapi pelajar-pelajar Melayu menghadapi kurang masalah untuk menyebut triftong oral ini kerana cara penyebutan untuk triftong oral adalah sama dengan cara penyebutan untuk diftong oral, jadi, pelajar-pelajar Melayu tidak menghadapi masalah penyebutan untuk menyebut triftong oral.

7.2. Aplikasi Pedagogi

Seseorang guru yang membanding dan mengkontras sistem bunyi bahasa B1 dan B2 dapat mengenal pasti masalah sebutan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa asing. Tambahan pula, CA juga dapat membantu seseorang guru untuk menyediakan bahan pengajaran yang lebih berkesan. Ini jelas melalui pernyataan Lado (1957):

“... foreign language teachers who understand this field will acquire insights and tools for... preparing new materials and tests, and diagnosing student difficulties accurately.”

CA boleh meramal dan menonjolkan gangguan yang mungkin akan dihadapi oleh seseorang pelajar semasa mempelajari bahasa asing. Ini adalah penting kerana melalui CA seseorang pelajar dapat mengetahui

masalah yang dihadapi semasa mempelajari sesuatu bahasa asing. Jadi, dengan adanya kesedaran tentang persamaan dan perbezaan yang wujud dalam BMS dan BPS seseorang pelajar boleh melatih diri supaya dapat mengatasi gangguan tersebut.

CA adalah satu teknik yang cuba membanding dan mengkontras struktur dalam dua bahasa yakni struktur dalam B1 dan struktur dalam B2. Jadi, seseorang pengajar BPS boleh menghubungkaitkan struktur BMS dan BPS untuk menjelaskan persamaan dan perbezaan yang wujud antara BMS dan BPS. Dengan demikian, ini akan memudahkan proses pembelajaran seseorang pelajar. Dengan perkataan lain, dalam proses pembelajaran B2, B1 tidak boleh diabaikan. Ini kerana B1 dapat digunakan untuk memudahkan proses pembelajaran B2 jika digunakan dengan bijaknya. Ini dapat dijelaskan melalui pernyataan Waldemar Marton (1981:172):

“... the native language of the learner should be treated as an ally in the process of foreign language teaching and that it should be consciously used instead of being ignored..... from a pedagogical point of view, it can facilitate learning if used wisely and deliberately.”

7.3. Cadangan

Kajian ini adalah mengenai sistem bunyi dan sistem fonologi. Dalam kajian ini hanya membincangkan bunyi-bunyi seperti vokal, konsonan, rangkap vokal, rangkap konsonan, diftong, triftong dan separuh vokal sahaja. Analisis kontrastif tentang unsur-unsur suprasegmental seperti panjang pendek suara

adalah merupakan satu kajian yang digalakkan agar dapat menonjolkan lagi ciri-ciri CA dalam proses pengajaran dan pembelajaran BPS.

Kajian dalam aspek lain seperti aspek morfologi, sintaksis juga digalakkan. Dengan adanya kajian analisis kontrastif dalam aspek morfologi dan sintaksis, ini dapat memanfaatkan dan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran BPS sebagai bahasa asing di kalangan pelajar Melayu.